

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
UNDANG-UNDANG KECIL PENJAJA (LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN)
(PINDAAN) 2020

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Phg. P.U. 27 [Pindaan 2020]

UNDANG-UNDANG KECIL PENJAJA (LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) (PINDAAN) 2020

Dibuat pada **17 Disember 2020** (Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail)

Disahkan pada **21 Disember 2020** (Syed Ahmad Khirulanwar Alyahya bin Syed Abdul Rahman)

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

Phg. P.U. 7

UNDANG-UNDANG KECIL PENJAJA (LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) 2005

Dibuat pada **28 Oktober 2004** (Dato' Sri Haji Adnan bin Haji Yaakob)

Disahkan pada **19 Januari 2005** (Nashruddin bin Md. Salim)

2. Tafsiran
3. Dilarang menjaja tanpa lesen
4. Permohonan lesen
5. Budibicara Yang Dipertua
6. Saiz gerai
7. Pemegang lesen tidak hadir
8. Larangan
9. Mematuhi arahan
10. Memindah daripada tempat menjaja
11. Penjaja beredar
12. Kereta tolak
13. Kenderaan
14. Penjaja beredar hendaklah sentiasa bergerak
15. Pemeriksaan perubatan
16. Kebersihan
17. Penggunaan kayu api tidak dibenarkan
18. Tong sampah hendaklah diadakan
19. Sampah pepejal basah
20. Pelupusan sampah
21. Tumpahan bahan busuk
22. Fi
23. Penalti
24. Penyitaan
25. Tuntutan ke atas barang-barang yang disita

Phg. P.U. 27 [Pindaan 2020]

UNDANG-UNDANG KECIL PENJAJA (LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) (PINDAAN) 2020

Dibuat pada **17 Disember 2020** (Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail)

Disahkan pada **21 Disember 2020** (Syed Ahmad Khirulanwar Alyahya bin Syed Abdul Rahman)

Undang-Undang Kecil Baharu

26. Kegagalan mematuhi syarat lesen
27. Merampas barang
28. Mengkompakan kesalahan
29. Tempoh dan pembaharuan lesen
30. Pembayaran balik deposit

Phg. P.U. 7

UNDANG-UNDANG KECIL PENJAJA (LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) 2005

Dibuat pada **28 Oktober 2004** (Dato' Sri Haji Adnan bin Haji Yaakob)

Disahkan pada **19 Januari 2005** (Nashruddin bin Md. Salim)

JADUAL

AKTA KERAJAAN TEMPATAN
UNDANG-UNDANG KECIL PENJAJA
(LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) (PINDAAN) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini membuat undang-undang kecil yang berikut:

Tajuk ringkas

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Penjaja (Lembaga Pembangunan Tioman) (Pindaan) 2020**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah disifatkan telah **mula berkuat kuasa pada 1 April 2019**.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“**barang-barang**” termasuklah apa-apa perkhidmatan yang diberikan untuk mendapatkan keuntungan;

“**gerai**” termasuklah mana-mana **gerai berkunci dan tidak berkunci**, meja, stor, bangku, bangku panjang, bakul, kerusi, kayu kandar, petak peraga dinding, petak peraga dari apa-apa juga jenis, atau apa-apa alat lain yang berkaitan dengannya sama ada **mudah alih atau bukan mudah alih** dan sama ada beroda atau tidak beroda, yang di atasnya atau di dalamnya makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis dijual atau didedahkan untuk jualan di mana-mana **tempat persendirian atau tempat awam**;

“**gerai berkunci**”ertinya **gerai yang dibina oleh Lembaga** atau oleh mana-mana **Badan Kerajaan atau Badan Berkanun** yang dikelaskan sebagai demikian oleh Yang Dipertua;

“**jualan**” atau “**menjual**” termasuklah tukar menukar dan tukar ganti dan juga termasuk menawar atau cuba menjual atau menyebabkan membenarkan dijual atau mendedahkan untuk jualan atau ada dalam simpanan untuk dijual apa-apa makanan, minuman atau barang-barang untuk dimakan atau digunakan oleh manusia;

“**kenderaan**” termasuklah apa-apa kenderaan yang digerakkan dengan jentera atau selainnya dan termasuklah gadi, kereta sorong, kereta tolak, basikal, trisikal, motosikal, skuter, kereta, van, lori, vessel, bot atau rakit yang digunakan bagi maksud menjaja;

“**Lembaga**” ertinya Lembaga Pembangunan Tioman yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Enakmen Lembaga Pembangunan Tioman 1997 [Enakmen No.7 tahun 1997];

“**penjaja beredar**” ertinya seseorang yang dengan atau tanpa kereta pergi dari setempat ke setempat untuk mendedahkan, membahagi atau menyerahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis;

“**penjaja beredar sementara**” ertinya seseorang yang **kadang kala** mendirikan gerai dan menjual atau mendedahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang-barang **dari apa-apa jenis dengan atau tanpa kenderaan pergi dari setempat ke setempat**;

“**penjaja sementara**” ertinya seseorang yang **kadang kala** mendirikan gerai dan menjual atau mendedahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang-barang **dari apa-apa jenis di petak yang ditetapkan** bagi maksud itu oleh Lembaga bagi **apa-apa tempoh** yang ditentukan oleh Lembaga;

“**penjaja statik**” ertinya seseorang yang **mendirikan gerai di sesuatu tempat awam atau tempat persendirian** dan menjual atau mendedahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis;

“**tempat awam**” ertinya mana-mana **lapangan terbuka, tempat letak kereta, kebun bunga, taman atau medan rekreasi dan bersuka-suka, sama ada terkeping atau tidak**, yang dikhaskan atau ditentukan bagi kegunaan orang ramai atau terbuka kepada orang ramai pada bila-bila masa;

“**Timbalan Yang Dipertua**” ertinya Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Tioman;

“**Yang Dipertua**” ertinya Pengerusi Lembaga Pembangunan Tioman dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

Dilarang menjaja tanpa lesen

3. Tiada seorang pun boleh bertindak sebagai penjaja tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Lembaga di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Permohonan lesen

4. (1) Tiap-tiap permohonan bagi mendapatkan lesen untuk bertindak sebagai penjaja hendaklah dibuat **secara bertulis** kepada Yang Dipertua dalam **borang** yang ditetapkan oleh Yang Dipertua.

(2) Jika permohonan bagi mendapatkan lesen diluluskan, Yang Dipertua hendaklah meminta **pemohon memberi dua keping fotogaraf saiz pasport** dengan mana pemohon boleh dikenali.

(3) Lesen hendaklah dalam borang yang ditetapkan oleh Lembaga;

(4) Tiap-tiap lesen, lain daripada yang dikeluarkan kepada penjaja beredar, hendaklah berkenaan dengan tapak atau tapak-tapak tertentu.

(5) Tiap-tiap lesen hendaklah menyatakan –

(a) **Tempoh** sah lesen itu;

(b) **Jenis** makanan, minuman atau barang-barang yang akan dijual; dan

(c) **Terma-terma, syarat-syarat dan sekatan-sekatan** sebagaimana yang difikirkan oleh Yang Dipertua patut dikenakan.

(6) Tiap-tiap lesen boleh dibatalkan oleh Lembaga pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.

(7) Lembaga boleh, menurut budibicaranya, enggan memberi atau membaharui sesuatu lesen tanpa memberi apa-apa sebab.

(8) Tiap-tiap orang yang telah diberi lesen hendaklah **mempamerkan lesennya** pada **setiap masa** di sesuatu tempat yang **mudah dilihat** dipremis, kenderaan atau gerai yang dilesen dan hendaklah menunjukkan lesen itu bila dikehendaki berbuat demikian oleh Yang Dipertua atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua.

(9) Pemegang lesen hendaklah **menyerahkan balik lesennya** apabila lesen itu tamat tempohnya, dibatalkan atau digantung kepada Yang Dipertua.

Budibicara Yang Dipertua

5. Yang Dipertua boleh menggunakan budibicaranya untuk memberikan lesen untuk bertindak sebagai penjaja kepada pemohon **tanpa memenuhi mana-mana syarat** yang ditetapkan dalam **Undang-Undang Kecil 4**.

Saiz gerai

6. (1) **Tiada** suatupun gerai, lain daripada gerai yang dibina oleh Lembaga atau mana-mana Badan Kerajaan atau Badan Berkanun, boleh melebihi **lapan belas (18) desimeter panjang dan (9) sembilan desimeter lebar** melainkan dikecualikan oleh Yang Dipertua secara bertulis dan **hendaklah beratap** sebagaimana yang diluluskan oleh Yang Dipertua.

(2) **Tiada** petak peraga boleh melebihi **tiga puluh enam (36) desimeter kali lapan belas (18) desimeter kali tiga (3) desimeter**.

Pemegang lesen tidak hadir

7. (1) Pemegang lesen hendaklah sentiasa hadir dan menjalankan atau mengawasi perniagaan di gerai atau dipetaknya, melainkan jika dia tidak dapat hadir atas sesuatu sebab yang munasabah.

(2) Jika pemegang lesen tidak dapat menguruskan perniagaan di gerainya selama tempoh tiga puluh hari atau lebih, dia hendaklah melantik seorang nomini untuk mengambil tempatnya dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan secara bertulis daripada Yang Dipertua.

(3) Yang Dipertua tidak boleh, kecuali dalam hal keadaan yang difikirkannya patut, memberi sesuatu kelulusan di bawah peruntukan perenggan (2) Undang-Undang Kecil ini bagi sesuatu **tempoh lebih daripada tiga bulan**.

(4) Jika seseorang nomini bertindak bagi pihak seseorang pemegang lesen di bawah peruntukan Undang-Undang Kecil ini, kewajipan-kewajipan dan tanggungjawab-tanggungjawab yang dikenakan keatas pemegang lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah terletak ke atas nomini tersebut yang mana boleh didakwa atas apa-apa pelanggaran Undang-Undang Kecil ini seolah-olah dia adalah pemegang lesen.

(5) **Fi** sebanyak **lima ringgit** hendaklah dibayar oleh pemegang lesen bagi melantik seorang nomini.

Larangan

8. (1) Tiada seorang pun penjaja boleh menjalankan perniagaannya –

(a) dalam lingkungan sembilan meter dari simpang jalan;

(b) dalam lingkungan tiga puluh desimeter dari pili bomba; atau

(c) di atas tangga, kaki lima atau tempat awam atau mana-mana saluran, parit atau longkang melainkan dibenarkan oleh Yang Dipertua.

(2) Tiada seorang pun penjaja boleh menjalankan perniagaannya dengan cara yang boleh **menghalang atau mengganggu** perjalanan lancar lalulintas kenderaan dan pergerakan bebas orang-orang yang berjalan kaki.

(3) Seseorang penjaja atau nomini hendaklah berumur **tidak kurang daripada lapan belas tahun** melainkan dikecualikan oleh Yang Dipertua.

Mematuhi arahan

9. Tiap-tiap penjaja hendaklah mematuhi apa-apa arahan lisan atau bertulis yang diberi oleh Yang Dipertua atau oleh mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua berkenaan dengan penempatan gerai, kenderaan atau alat-alat lain yang berkaitan dengan perniagaannya.

Memindah daripada tempat menjaja

10. Tiap-tiap **penjaja sementara** hendaklah **memindahkan** dari petak atau tapaknya gerai, kenderaan atau alat-alat lain yang berkaitan dengan perniagaannya pada **waktu perniagaan ditutup** pada tiap-tiap hari atau tiap-tiap malam, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Penjaja beredar

11. Tiada seorang pun boleh bertindak sebagai **penjaja beredar** dimana-mana jalan atau dimana-mana tempat yang dinyatakan dalam **Jadual Pertama**.

Kereta tolak

12. Kereta tolak yang digunakan oleh penjaja beredar tidak boleh **melebihi lapan belas desimeter panjang dan sembilan desimeter lebar** dan **atapnya atau kajang** diatasnya tidak boleh lebih panjang daripada **tiga desimeter** dari mana-mana bahagian kereta tolak itu, dan **reka bentuk struktur dan bahan** yang digunakan untuk binaan kereta tolak itu hendaklah sebagaimana yang diluluskan oleh Yang Dipertua.

Kenderaan

13. Jika kenderaan digunakan oleh **penjaja beredar, saiz atau bentuk** kenderaan itu hendaklah mengikut sebagaimana yang diluluskan oleh Yang Dipertua.

Penjaja beredar hendaklah sentiasa bergerak

14. Penjaja beredar **tidak boleh tinggal tetap di suatu tempat** kecuali pada waktu ia sebenarnya menjual barang-barang kepada pelanggan-pelanggan dan pada waktu tidak sebenarnya berbuat demikian, dia hendaklah sentiasa bergerak.

Pemeriksaan perubatan

15. Tiap-tiap penjaja hendaklah dikenakan pemeriksaan perubatan atau pelalian mengikut sebagaimana yang diarahkan oleh Yang Dipertua.

Kebersihan

16. Tiap-tiap penjaja hendaklah menjaga –
- (a) dirinya dan pakaiannya supaya dalam keadaan bersih;
 - (b) gerai atau kenderaannya dan alat-alat lain yang berkaitan dengan perniagaannya supaya berada dalam keadaan bersih dan sihat dan hendaklah mengecat atau mengecatnya semula pada bila-bila masa sebagaimana yang diarahkan oleh Yang Dipertua; dan
 - (c) menyediakan air yang bersih dan jernih untuk membasuh dan membersihkan perkakas memasak, pinggan mangkuk, piring atau apa-apa perkakas lain yang digunakan untuk menghidang makanan kepada pelanggan atau yang berkaitan dengan perniagaannya.

Penggunaan kayu api tidak dibenarkan

17. Penjaja tidak boleh menggunakan kayu api di tempat perniagaannya bagi maksud menyediakan makanan melainkan jika dikecualikan oleh Yang Dipertua.

Tong sampah hendaklah diadakan

18. Tiap-tiap penjaja hendaklah mengadakan tong-tong sampah yang mencukupi dan karung plastik atau apa-apa bekas lain yang sesuai untuk kegunaan mengisi sampah sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah.

Sampah pepejal basah

19. Segala sampah busuk atau sampah pepejal basah hendaklah diisi ke dalam karung plastik atau apa-apa bekas lain yang sesuai sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah.

Pelupusan sampah

20. Segala sampah dalam tong sampah hendaklah dilupuskan oleh penjaja mengikut cara yang diarahkan oleh Yang Dipertua.

Tumpahan bahan busuk

21. (1) Tiada seorang pun penjaja boleh menyebabkan atau membenarkan **diletakkan, ditumpahkan, ditaburkan atau dibuang apa-apa darah, air masin, cecair buangan**

atau lain-lain bahan busuk ke dalam mana-mana longkang atau ke atas mana-mana jalan atau tempat awam.

(2) Jika dalam sesuatu hal adalah **dibuktikan** bahawa apa-apa darah, air masin, cecair buangan atau lain-lain bahan busuk telah diletakkan, ditumpahkan, ditaburkan atau dibuang di mana-mana tempat yang bersalahan dengan perenggan (1) Undnag-Undang Kecil ini berdekatan dengan mana-mana gerai atau kenderaan yang dipunyai atau digunakan oleh seseorang penjaja, maka hendaklah dianggap, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, bahawa kesalahan itu telah dilakukan oleh atau dengan kebenaran penjaja itu.

Fi

22. Fi yang kena dibayar bagi sesuatu lesen hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam **Jadual Kedua** dan hendaklah dibayar terlebih dahulu.

Penalti

23. Seseorang yang bertindak sebagai penjaja tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Lembaga di bawah Undang-Undang Kecil ini dan seseorang yang setelah diberi lesen oleh Lembaga di bawah Undang-Undang Kecil ini bertindak berlawanan dengan mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan **denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya**.

Penyitaan

24. (1) Apa-apa barang yang dicadangkan atau didedahkan untuk jualan bersama-sama dengan bekasnya dan apa-apa alat yang menyertainya dan juga gerai atau kenderaan kepunyaan **orang yang tidak dilesen** untuk bertindak sebagai penjaja di bawah Undang-Undang Kecil ini **boleh disita** oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua dan dipindahkan ke mana-mana tempat yang ditentukan oleh Yang Dipertua dan ditahan di situ atas tanggungan pemunya.

(2) Apa-apa barang tidak tahan lama yang disita di bawah perenggan (1) Undang-Undang Kecil ini **boleh dilupuskan mengikut cara** yang ditentukan oleh Yang Dipertua.

Tuntutan ke atas barang-barang yang disita

25. Seseorang yang ada apa-apa tuntutan ke atas mana-mana barang yang telah dipindahkan dan ditahan di bawah Undang-Undang Kecil 24 boleh menuntut barang-barang itu daripada Yang Dipertua dalam **tempoh tiga bulan dari tarikh barang-barang itu disita** tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh Yang Dipertua dan tertakluk kepada **pembayaran fi** yang ditetapkan dalam **Jadual Ketiga**:

Dengan syarat bahawa jika **sekiranya tiada apa-apa tuntutan** dibuat ke atas nama-nama barang yang telah dipindahkan atau ditahan itu **dalam tempoh tiga bulan** yang dinyatakan itu, Yang Dipertua **boleh melupuskan barang-barang** itu mengikut cara yang difikirkannya patut.

Kegagalan mematuhi syarat lesen

26. (1) Lembaga boleh **menggantung atau membatalkan lesen** yang diberikan di bawah Undang-Undang Kecil ini jika berlaku **kegagalan mematuhi** mana-mana syarat lesen seperti yang dinyatakan dalam Undang-Undang Kecil ini.

Dengan syarat bahawa Lembaga tidak boleh menggantung atau membatalkan sesuatu lesen melainkan jika pemegang lesen telah diberi peluang membuat apa-apa representasi bertulis yang mahu dibuatnya dalam tempoh **empat belas (14) hari**

–

- (a) dari tarikh notis pemakluman penggantungan atau pembatalan lesen **ditampal di premis pemegang lesen**; atau
- (b) dari tarikh **penerimaan notis** penggantungan atau pembatalan oleh pemegang lesen.

(2) Jika Lembaga berpendapat bahawa representasi bertulis yang diterima daripada pemegang lesen menghendaki penjelasan lanjut, maka Lembaga boleh menghendaki pemegang lesen supaya memberikan penjelasan lanjut dalam tempoh sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga.

Setelah menimbangkan representasi pemegang lesen itu dan jika penjelasan lanjut telah diberikan, Lembaga telah berpuas hati bahawa pemegang lesen itu telah melanggar mana-mana terma, syarat atau peruntukan lesen, Lembaga boleh –

- (a) **menggantung** lesen itu dalam tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh Lembaga menerima penjelasan lanjut daripada pemegang lesen; atau
- (b) **membatalkan** lesen itu mulai dari suatu tarikh sebagaimana yang dinyatakan oleh Lembaga.

(3) Lembaga hendaklah **memberitahu pemegang lesen** tentang butir-butir alasan yang berasaskannya lesen itu dicadangkan akan digantung atau dibatalkan –

- (a) dengan **menampal suatu salinan notis** itu di tempat yang mudah dilihat di premis berlesen itu; atau
- (b) dengan **menyampaikan suatu salinan notis** itu kepada pemegang lesen.

(4) Keputusan Lembaga untuk menggantung atau membatalkan lesen adalah muktamad. Keputusan penggantungan atau pembatalan lesen hendaklah disampaikan kepada pemegang lesen melalui cara yang sama sebagaimana di perenggan (3).

Merampas barang

27. (1) Jika seseorang disabitkan atas sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini, Mahkamah boleh memerintahkan supaya dirampas –

- (a) kesemua atau sebahagian daripada barang yang menjadikan kesalahannya; atau
- (b) mana-mana barang lain harta kepunyaan orang yang dituduh itu yang digunakan olehnya untuk melakukan kesalahan itu atau yang telah

dicadangkan hendak digunakan bagi melakukan sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Pengkompaunan kesalahan

28. (1) Jika seseorang melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini, Lembaga boleh dengan izin Timbalan Pendakwa Raya **mengkompaunkan mana-mana kesalahan** yang dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil ini. Lembaga **boleh menetapkan kadar bayaran kompaun tidak melebihi amaun denda maksimum** bagi peruntukan kesalahan tersebut, sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(2) Jika Lembaga berniat hendak mengkompaun sesuatu kesalahan, Lembaga hendaklah **memberikan notis secara bertulis tentang niatnya** untuk berbuat demikian kepada orang itu dan boleh menyampaikan notis itu melalui apa-apa cara yang difikirkan patut dan notis itu hendaklah juga **menyatakan** –

(a) **tarikh** dan **tempat** berlakunya kesalahan itu dan **kesalahan** yang dilakukan;

(b) **jumlah wang** yang hendaklah dibayar untuk mengkompaun kesalahan itu; dan

(c) **tarikh** selewat-selewatnya jumlah wang itu **hendaklah dibayar**.

(3) Jika orang itu bersetuju supaya kesalahan itu dikompaun, dia **hendaklah mengaku melakukan kesalahan** itu dan hendaklah **membayar jumlah wang** yang dinyatakan itu selewat-selewatnya pada tarikh yang dinyatakan dan berikutan dengan itu, Lembaga hendaklah **membuat suatu perintah** menyatakan bahawa kesalahan itu telah dikompaun dan perintah itu hendaklah juga, **mutatis mutandis**, mengandungi butir-butir yang dinyatakan dalam perenggan 2(a), (b) dan (c).

Tempoh dan pembaharuan lesen

29. (1) Sesuatu lesen melainkan jika digantung atau dibatalkan terlebih awal **hendaklah sah sehingga 31 Disember** setiap tahun.

(2) Sesuatu lesen boleh diperbaharui apabila Lembaga berpuas hati bahawa pemohon telah **menjelaskan bayaran lesen pada kadar yang ditetapkan** oleh Lembaga dan mematuhi kehendak Undang-Undang Kecil ini.

(3) Sesuatu permohonan untuk memperbaharui lesen bagi tahun berikutnya hendaklah dibuat **tidak lewat dari tiga bulan sebelum tempoh sah tamat**.

(4) Kelewatan menjelaskan bayaran lesen dalam tempoh tiga bulan tersebut boleh dikenakan **denda sebanyak 20 peratus daripada jumlah fi lesen tahunan** yang dikenakan.

Pembayaran balik deposit

30. (1) Lembaga boleh, sebelum mengeluarkan sesuatu lesen atau pada bila-bila masa selepas itu, menghendaki pemegang lesen itu membuat suatu deposit dalam apa-apa jumlah wang sebagaimana yang ditentukan olehnya untuk memastikan bahawa syarat atau sekatan lesen itu dan peruntukan Undang-Undang Kecil ini dipatuhi dengan sewajarnya.

(2) Lembaga boleh melucuthakkan **keseluruhan atau sebahagian** daripada deposit itu jika dia berpuas hati bahawa **telah berlaku pelanggaran** mana-mana syarat atau sekatan lesen itu atau pelanggaran mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

JADUAL PERTAMA
(Undang-Undang Kecil 11)

1. Mana-mana jalan atau bahagian sesuatu jalan dalam lingkungan empat puluh meter dari sesuatu jalan masuk atau jalan keluar atau kawasan sekitar mana-mana sekolah, hospital, pasar awam atau kawasan perdagangan yang diuntukkan bagi penjaja.
2. Semua tempat letak kereta awam.
3. Semua perhentian bas, stesen bas dan perhentian teksi.
4. Kawasan sekitar semua bangunan Pejabat Kerajaan dan tempat awam.

JADUAL KEDUA
(Undang-Undang Kecil 22)

1. Penjaja bergerak – **RM60.00 setahun.**
2. Penjaja bergerak sementara – **RM1.00 sehari.**
3. **Penjaja statik:**
 - A. Gerai-gerai yang menjalankan perniagaan di **tepi jalan:**
 - (i) Gerai-gerai yang “bersaiz biasa” hendaklah berukuran 2m x 1m dengan penutup maksimum 3m x 3m – **RM9.00 sebulan.**
 - (ii) Pada setiap tambahan 4 meter persegi ruang yang diduduki atau sebahagian daripadanya – **RM7.00 sebulan** tertakluk pada **maksimum 16 meter persegi**
 - B. Gerai-gerai yang menjalankan perniagaan di atas **tanah lot kosong yang disewa dan di atas Tanah Kerajaan:**
 - (i) “Gerai Biasa” hendaklah berukuran 2m x 1m dengan penutup maksimum 3m x 3.5m – **RM7.00 sebulan.**
 - (ii) Pada **setiap tambahan 4 meter persegi** ruang yang diduduki atau sebahagian daripadanya – **RM4.50.**
 - C. Gerai-gerai “centralized” – **RM9.00 sebulan**
Sewa – **RM30.00 sebulan**
4. Fi untuk menukar sebuah gerai – **RM5.00**

JADUAL KETIGA
(Undang-Undang Kecil 25)

- Memindahkan gerai atau barang-barang – **RM20.00**
Fi menyimpan gerai atau barang-barang – **RM5.00** bagi tempoh **tidak lebih** daripada **7 hari** dan **50 sen sehari** kemudian daripadanya.